

# ETNIK DUSUN SUBPAN

ADAT RESAM TURUN-TEMURUN  
& PANTANG LARANG



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah



# SINOPSIS

Dusun Subpan merupakan salah satu etnik yang majoritinya mendiami kawasan daerah Lahad Datu. Latar belakang etnik Dusun Subpan tidak jauh berbeza dengan etnik Kadazandusun atau etnik Orang Sungai di Sabah. Keunikan yang terdapat pada etnik Dusun Subpan adalah dari segi adat resam kematian mereka yang mengamalkan pengebumian dalam gua. Adat resam tersebut masih diamalkan oleh mereka sehingga kini menyebabkan etnik ini berbeza dengan etnik-etnik lain di negeri Sabah. Menerusi Kajian Inventori Budaya Etnik terdapat 15 aspek kajian budaya etnik Dusun Subpan iaitu Latar Belakang Etnik, Tempat dan Sejarah, Kegiatan Sosioekonomi, Sastera Lisan Turun Temurun, Adat Resam Turun Temurun dan Pantang Larang, Kepercayaan dan Amalan, Alat Muzik dan Tarian Tradisional, Pakaian Tradisional dan Aksesori, Adat Istiadat Perkahwinan, Seni Bina dan Kraf Tangan, Makanan Tradisional, Sukan Rakyat dan Permainan Tradisional, Perayaan-Perayaan Dalam Komuniti, Perubatan Tradisional dan Amalan Tradisi, Strata Sosial Masyarakat dan Nyanyian Rakyat.

# ADAT KEUZURAN (KEMATIAN)

Sekiranya berlaku kematian dalam kalangan etnik Dusun Subpan, tuan rumah akan memukul gong dengan bunyi khas iaitu Manawag. Bunyi pukulan gong tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada penduduk kampung bahawa berlaku kematian. Apabila mendengar bunyi paluan gong penduduk kampung akan segera datang beramai-ramai untuk membantu keluarga si mati.

Pada masa kematian, seluruh ahli keluarga si mati bersedih dan menangis. Penduduk kampung yang datang terutamanya wanita berumur juga menangis dengan nada yang begitu menusuk jiwa. Dipercayai sesiapa yang mendengarnya, akan tersentuh hati dan menangis bersama. Amalan tersebut dipanggil sebagai galambat mangusoi atau galiaba dalam kalangan etnik Dusun Subpan.

Sekiranya si mati adalah seorang perempuan, jenazahnya hendaklah dimandikan oleh kaum perempuan sahaja. Ahli keluarga si mati diwajibkan untuk memandikan jenazah. Menurut kepercayaan mereka sekiranya si mati adalah seorang ibu, anak-anak harus terlibat dalam upacara memandikan jenazah.

Semasa memandikan jenazah anak-anak perlu meminta ampun jika pernah melakukan kesalahan daripada si mati yang dikenali sebagai paingkad sa usung.

Tempat memandikan jenazah haruslah ditutup dengan kain untuk menghalang penglihatan orang lain semasa memandikan jenazah. Air yang digunakan untuk memandikan jenazah hendaklah diisi di dalam sebiji gong. Setelah siap dimandikan, jenazah dipakaikan dengan pakaian tradisi yang lengkap dan dihias seperti pengantin. Jenazah kemudian dibaringkan di atas dua keping papan yang dialas dengan kain sarung. Sebelum itu, kain sarung tersebut perlu dikoyakkan seluruh hujung kainnya. Kedudukan kepala si mati haruslah menghala ke hulu dan selari dengan tiang tengah rumah.

Kedua-dua pergelangan tangan jenazah kemudian diikat menggunakan hujung kain sarung yang telah dikoyakkan supaya tangan jenazah tersusun rapat di badan. Kedua-dua ibu jari kaki jenazah juga harus diikat agar hujung kaki jenazah dapat dirapatkan sebelum tubuh jenazah mengeras. Kain sarung diletakkan di atas kaki si mati dan barang-barang si mati akan diletakkan di sebelahnya. Di sebelah kiri berhampiran si mati diletakkan sebiji pinggan dan sebiji gelas batu atau kaca untuk meletakkan makanan si mati.

# ADAT KEUZURAN (KEMATIAN)

Sekiranya berlaku kematian dalam kalangan etnik Dusun Subpan, tuan rumah akan memukul gong dengan bunyi khas iaitu Manawag. Bunyi pukulan gong tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada penduduk kampung bahawa berlaku kematian. Apabila mendengar bunyi paluan gong penduduk kampung akan segera datang beramai-ramai untuk membantu keluarga si mati.

Pada masa kematian, seluruh ahli keluarga si mati bersedih dan menangis. Penduduk kampung yang datang terutamanya wanita berumur juga menangis dengan nada yang begitu menusuk jiwa. Dipercayai sesiapa yang mendengarnya, akan tersentuh hati dan menangis bersama. Amalan tersebut dipanggil sebagai galambat mangusoi atau galiaba dalam kalangan etnik Dusun Subpan.

Sekiranya si mati adalah seorang perempuan, jenazahnya hendaklah dimandikan oleh kaum perempuan sahaja. Ahli keluarga si mati diwajibkan untuk memandikan jenazah. Menurut kepercayaan mereka sekiranya si mati adalah seorang ibu, anak-anak harus terlibat dalam upacara memandikan jenazah.

Semasa memandikan jenazah anak-anak perlu meminta ampun jika pernah melakukan kesalahan daripada si mati yang dikenali sebagai paingkad sa usung.

Tempat memandikan jenazah haruslah ditutup dengan kain untuk menghalang penglihatan orang lain semasa memandikan jenazah. Air yang digunakan untuk memandikan jenazah hendaklah diisi di dalam sebiji gong. Setelah siap dimandikan, jenazah dipakaikan dengan pakaian tradisi yang lengkap dan dihias seperti pengantin. Jenazah kemudian dibaringkan di atas dua keping papan yang dialas dengan kain sarung. Sebelum itu, kain sarung tersebut perlu dikoyakkan seluruh hujung kainnya. Kedudukan kepala si mati haruslah menghala ke hulu dan selari dengan tiang tengah rumah.

Kedua-dua pergelangan tangan jenazah kemudian diikat menggunakan hujung kain sarung yang telah dikoyakkan supaya tangan jenazah tersusun rapat di badan. Kedua-dua ibu jari kaki jenazah juga harus diikat agar hujung kaki jenazah dapat dirapatkan sebelum tubuh jenazah mengeras. Kain sarung diletakkan di atas kaki si mati dan barang-barang si mati akan diletakkan di sebelahnya. Di sebelah kiri berhampiran si mati diletakkan sebiji pinggan dan sebiji gelas batu atau kaca untuk meletakkan makanan si mati.



*Jenazah dibaringkan di atas papan beralaskan kain sarung yang dicarik hujung kainnya untuk digunakan sebagai pengikat pergelangan tangan dan ibu jari kaki.*

Di dinding rumah bertempat dengan kedudukan hujung kepala si mati disisipkan sebilah parang yang dibuka hulunya. Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan, sekiranya mayat atau lungun dilangkah kucing maka parang tersebut turut dilangkahkan di atas mayat atau keranda kerana dikhuatiri mayat tersebut akan bangun. Di tempat tersebut juga akan digantungkan pelita dan cermin. Di bawah rumah bertepatan dengan tempat jenazah haruslah diletakkan batang dan daun usom (limau nipis) bagi mengelakkan jenazah diganggu oleh makhluk halus atau tinggalung (kucing hantu). Sesudah selesai semuanya maka gong akan dipalu pada masa-masa tertentu oleh seorang yang mahir tentang adat istiadat asumuh (kematian). Bunyi paluan gong semasa kematian dikenali sebagai tawag. Pada masa dahulu jenazah akan dibiarkan terbaring di rumah sementara menunggu lungun siap dibuat. Semasa tempoh tersebut, hendaklah ada seseorang menjaga dan menemani jenazah iaitu duduk berhampiran dengan jenazah. Jika si mati telah berkahwin maka suami atau isteri haruslah sentiasa berada di sisi jenazah.

# MANATAD SA LUNGUN (MEMBUAT KERANDA)

Etnik Dusun Subpan sangat mementingkan kerjasama dalam melakukan sesuatu perkara. Sekiranya berlaku kematian penduduk kampung yang mempunyai kemahiran membuat lungun saling berkerjasama untuk menyiapkan sebuah lungun untuk si mati.



*Gambar penuh sebuah lungun*

Pada masa dahulu, kerja-kerja membuat lungun mengambil masa yang lama iaitu dua hingga tiga hari untuk disiapkan. Kerja-kerja menyiapkan lungun bergantung pada saiz dan jenis kayu yang digunakan. Kayu yang digunakan untuk membuat lungun biasanya adalah kayu-kayu yang keras dan tahan lama seperti upil (merbau) dan Tagas (bulian). Lungun yang diperbuat daripada kayu bulat dikorek dan dibentuk dengan menggunakan peralatan tertentu.

Sebelum lungun dibuat salah seorang pembuat lungun akan mengukur lebar dan tinggi badan si mati menggunakan rotan. Bahagian Lungun sebelah atas dikenali sebagai kusoi (lelaki) dan sebelah bawah ialah wainoi (perempuan). Di hujung bahagian kepala dan kaki lungun pula dikenali sebagai pandung. Setelah kerja-kerja membuat lungun telah selesai. Lungun akan dibawa naik ke dalam rumah dan diletakkan di sisi jenazah.



*Peralatan-peralatan yang digunakan untuk membuat lungun*



Lungun yang dikebumikan di dalam Gua Batu Balos sejak sekian lama. Sehingga ke hari ini gua tersebut masih digunakan sebagai tempat pengebumian oleh sesetengah etnik Dusun Subpan yang beragama Kristian dan Pagan. Ukiran pada lungun dan pandung (hujung keranda) tersebut menandakan si mati adalah daripada golongan yang terhormat dan berpangkat dalam masyarakat.



*Pembuat lungun sedang memadankan pasangan keranda*

# UPACARA MANUTUB ATAU MANGARANTOP

Manutub / mangarantop adalah upacara memasukkan jenazah ke dalam lungun. Upacara tersebut hanya boleh dilakukan apabila semua anggota keluarga si mati telah berkumpul untuk memberi penghormatan dan melihat wajah si mati buat kali terakhir. Sebelum memasukkan jenazah, kedua-dua permukaan sebelah dalam lungun akan disapu dengan butak (tanah liat). Tujuannya adalah bagi menutup liang-liang urat kayu. Pada masa dahulu natong (damar) akan ditumbuk dan diadun untuk dijadikan gam yang perlu diletakkan di sekeliling tepi bawah lungun.



*Menyapu butak (tanah liat) di permukaan dalam lungun*



Setelah jenazah dimasukkan ke dalam lungun, si mati diberi makan oleh ahli keluarga yang belum berkahwin atau balu dengan menyapukan makanan dan air ke mulut jenazah. Ahli keluarga yang sudah berkahwin tidak dibenarkan melakukan perkara tersebut, kerana dipercayai akan menyebabkan pasangan meninggal lebih awal.

Perkara tersebut dikenali sebagai kababalu. Sekiranya si mati pada hayatnya minggat (memakan sirih pinang) dan mamapa sigup (menghisap tembakau), bahan-bahan tersebut hendaklah disapu ke mulut jenazah. Selepas itu, bahan-bahan tersebut perlu dibuang.

Salah seorang ahli keluarga si mati akan mengikis kuku tangan dan kaki jenazah. Sekiranya si mati telah berkahwin, hendaklah pasangannya yang melakukan amalan tersebut. Semasa mengikis kuku jenazah terdapat beberapa peraturan yang perlu diamalkan iaitu kuku sebelah kanan akan dikikis satu-persatu dan diletakkan di sebelah kiri dan begitu juga sebaliknya. Menurut kepercayaan, kuku si mati perlu dikikis dan diletakkan di tempat yang berlainan untuk mengelak jenazah diganggu oleh makhluk halus seperti pontianak.

Setelah selesai upacara mengikis kuku jenazah, kain yang mengikat tangan dan kaki jenazah akan dibuka dan dipintal. Kain tersebut yang dikenali sebagai u'unut kemudiannya dibakar untuk mendapatkan asapnya dan dihayun dari kepala ke hujung kaki lebih kurang sebanyak tiga (3) kali. Amalan tersebut dibuat agar atod (semangat) orang hidup dan roh jahat tidak akan termasuk ke dalam lungun. Selepas itu, upacara menutup lungun akan dilakukan.



*Kelihatan seorang balu mengikis kuku tangan dan kaki si mati*

Walau bagaimanapun, upacara mengasap tersebut hanya dilakukan sekiranya upacara mamulih untuk memanggil atod (semangat) ahli keluarga dan tetamu yang hadir serta roh-roh jahat dengan memukul mangkuk tidak dilakukan. Upacara tersebut dilakukan untuk mengelakkan semangat orang yang masih hidup terperangkap bersama si mati di dalam lungun yang dipercayai akan menyebabkan mereka sakit (tanggaman).

Dipercayai penyakit tersebut boleh menyebabkan kematian jika tidak dapat dirawat. Selepas itu, ahli keluarga bergilir-gilir untuk mencium dahi, tangan dan kaki jenazah sementara tetamu yang hadir melihat jenazah untuk kali yang terakhir. Setelah itu lungun ditutup dan diikat dengan rotan kemudian diletakkan di atas dua potongan kayu yang dikenali sebagai dadangol.



*Jenazah telah dimasukkan ke dalam lungun selepas upacara manutub/mangarantop'*

# PERSIAPAN SEBELUM PENGEBUMIAN

Sehari sebelum pengebumian semua penduduk kampung bergotong-royong untuk membantu keluarga si mati membuat persiapan pengebumian. Terdapat pelbagai kerja yang perlu dibuat semasa persiapan tersebut. Tuan rumah biasanya akan membuat tambir<sup>1</sup> dan Tukad<sup>2</sup> abai bagi memudahkan lungun dibawa turun dari rumah. Kayu yang digunakan untuk membuat tukad abai hendaklah daripada kayu yang tidak mempunyai getah.

Pada masa dahulu, sebelum hari pengebumian beberapa orang penduduk kampung dan ahli keluarga yang lain pergi memburu babi hutan yang mengambil masa hampir satu minggu. Semasa berburu mereka dibekalkan dengan beras, ubi kayu dan garam yang banyak untuk membuat tinamba (jeruk). Mereka juga menumbuk padi untuk mendapatkan beras. Sebahagian daripada beras tersebut akan ditumbuk halus seperti tepung untuk dibuat sindul (bubur). Sindul adalah makanan tradisi bagi etnik Dusun Subpan yang dibuat daripada tepung beras, minyak dan gula. Manakala penduduk kampung yang lain memotong daging dan tiwak (umbut) kelapa untuk dimasak.

Bahan makanan yang digunakan dalam upacara maransusak (kematian) haruslah diletakkan di bahagian tiang tengah rumah si mati. Makanan tersebut tidak boleh disimpan di dapur kecuali bahan mentah seperti daging dan perlu dihabiskan pada hari keempat selepas hari pengebumian. Menurut kepercayaan mereka jika pantang larang tersebut dilanggar cuaca buruk akan berlaku seperti ribut petir kerana dipercayai roh si mati akan marah. Perkara tersebut dikenali sebagai bubuwak rumaiyan oleh etnik Dusun Subpan.

Bumbang di atas bertepatan dengan tempat lungun diletakkan akan dibuat rangka kayu berbentuk seperti perahu terbalik yang dikenali sebagai kamou. Fungsinya adalah untuk menyidai kain sarung dan pakaian kepunyaan si mati. Beberapa orang penduduk kampung yang lain pergi ke kawasan perkuburan untuk membuat tukad abai (tangga) di tunon

(pangkalan) bagi memudahkan kerja-kerja mengangkat keranda. Mereka juga ke hutan untuk mencari rotan bagi mengikat lungun.

---

[1] Ruang khas yang dibina dalam sesebuah rumah oleh tuan rumah untuk dijadikan sebagai tempat tidur dan menghidang makanan semasa kematian atau majlis keramaian.

[2] Tukad abai tidak boleh dibuat dari kayu bergetah dan juga dibuat semasa majlis perkahwinan. Tetapi di zaman moden ini tidak ramai lagi yang menggunakannya.

# MANGAJAGA / MANGARUGKOW

Pada sebelah pagi hari mangajaga wanita yang tidak bersuami melakukan kerja-kerja menghias payung kertas dengan kaing marong (kain kapas) yang terdiri daripada pelbagai warna. Kain selebihnya dicarik untuk diambil benangnya, kemudian dipintal dan dililit seperti sarang labah-labah pada kayu lidi yang berbentuk salib kecil dan akan digantung pada payung tersebut. Bendera yang bersaiz besar dan kecil juga dibuat daripada kaing marong dengan ukiran tertentu daripada pelbagai warna dan dipacak di hadapan rumah.

Pada sebelah malam dipanggil mangajaga orang ramai tidak boleh tidur serentak, kerana harus bergilir-gilir berjaga bagi mengelakkan lungun dilangkah atau dibocorkan oleh Tinggalung dari bawah rumah. Dipercayai mayat yang dilangkah oleh kucing akan bangkit.

Pada malam mangajaga, tetamu yang hadir terutamanya golongan muda-mudi akan membuat lintutud. Mereka meletakkan tangan di atas lungun dan meletakkan segumpal kecil kapas yang akan dibakar. Kapas tersebut kemudian ditiup dan bekas melecur di tangan seseorang itu disapu dengan kapur sirih.

Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan, lintutud akan menjadi lampu penerang apabila meninggal dunia nanti. Dipercayai semakin banyak lintutud di tangan, maka makin banyaklah lampu yang akan menjadi cahaya penerang di alam kematian.

# HARI PENGEBUMIAN

Menjelang subuh di hari pengebumian, sindul perlu dimasak untuk dihidangkan kepada semua orang. Selepas itu makanan untuk orang ramai juga dimasak sebelum upacara pengebumian. Pada hari tersebut juga, lungun perlu diikat dengan rotan oleh golongan lelaki yang mahir mengenai kerja-kerja berkenaan. Kerja-kerja yang dikenali sebagai mangaggiraut tersebut mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkannya kerana perlu dilakukan dengan teliti. Lungun yang telah siap diikat akan ditutup dengan kain marong (kain kapas) yang dipanggil sebagai sandakop. Penggunaan warna kain sandakop mempunyai maksud yang tersendiri, kain berwarna merah hijau adalah untuk lelaki dan kuning hijau untuk wanita. Manakala kain berwarna hitam putih pula digunakan sekiranya si mati beragama Kristian.



*Proses mengikat lungun yang juga dipanggil sebagai mangaggiraut*



*Menutup lungun dengan kain Sandakop*

Beberapa gelung rotan juga perlu disediakan mengikut ketinggian anak-anak si mati. Menurut kepercayaan mereka, rotan tersebut menjadi pengganti anak-anak si mati di alam kematian. Dipercayai apabila si mati memanggil anak-anaknya maka rotan tersebut yang akan menjawab panggilan si mati.

Sebelum berangkat ke kawasan perkuburan nasi akan dibungkus dengan daun pisang untuk dibawa ke kawasan perkuburan. Nasi yang dibungkus dengan raun pundi mayau (daun pisang muda) adalah untuk orang yang masih hidup. Manakala nasi yang dibungkus dengan raun pundi nolonot (daun pisang kering) adalah untuk orang mati.

Apabila tiba masa menuju ke kawasan perkuburan, basal (alat muzik tradisional) perlu dimainkan sebanyak tiga kali. Lungun kemudian diangkat untuk membolehkan anak-anak si mati dapat melintas di bawah lungun secara pergi dan balik. Amalan tersebut diamalkan kerana dipercayai bahawa anak-anak si mati yang masih hidup akan menghantar si mati pergi tetapi mereka yang hidup harus segera balik.



*Lungun diangkat tinggi agar anak-anak si mati dapat melintas di bawahnya*

Selesai sahaja upacara tersebut, lungun dibawa turun ke tanah kemudian diletakkan dengan beralaskan potongan kayu dadangol yang digunakan untuk menyangga lungun semasa berada di atas rumah. Lungun tersebut ditutup dengan sehelai kain sama ada kain songket, kain lepas atau kain batik yang tidak berjahit hujungnya dan dipayungi dengan payung yang telah dihias.

Semasa berada di bawah rumah ahli keluarga juga akan menangi si mati. Selepas itu, lungun diusung dengan didahului oleh pembawa bendera.



*Lungun yang telah ditutup dengan kain batik*

Perjalanan ke tempat pengebumian etnik Dusun Subpan terutamanya di agob (gua) Batu Balos hendaklah menggunakan alud (perahu). Pada masa dahulu etnik Dusun Subpan terpaksa gumauh (mendayung) alud untuk membawa lungun sehinggalah ke tunon (pengkalan). Penduduk kampung yang sampai lebih awal di tunon akan menempiaskan air sungai ke arah alud yang membawa lungun si mati untuk menghalau roh-roh orang mati yang berada di atas lungun. Menurut kepercayaan mereka, semasa pengebumian roh-roh orang yang telah lama meninggal dunia akan duduk di atas lungun yang menyebabkan lungun menjadi sangat berat apabila diangkat.



*Lungun dimuatkan ke dalam alud untuk dibawa ke kawasan perkuburan*



*Pada masa kini penduduk kampung menggunakan alud yang dilengkapi dengan enjin untuk membawa lungun ke tempat perkuburan*



*Perjalanan menuju ke tempat pengebumian yang perlu mengharungi sungai*

Apabila sampai di kawasan perkuburan bendera-bendera yang mengiringi jenazah kemudian dipacak di tepi jalan yang menuju ke gua. Tujuan membawa bendera semasa kematian adalah sebagai tanda penghormatan kepada si mati. Kemudian lungun diusung ke kaki gua dan diletakkan sekali lagi ke tanah sebelum ditarik dengan tali. Pada masa dahulu proses menaikkan lungun di atas gua adalah dengan menggunakan rotan. Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan sekiranya lungun terjatuh semasa kerja-kerja menaikkan di atas gua, maka lungun tersebut tidak boleh diangkat semula. Sekiranya terdapat penduduk terjatuh semasa naik ke atas gua lalu meninggal dunia, maka mayatnya tidak boleh dibawa balik ke rumah tetapi hanya dibiarkan sahaja di tempat tersebut.





*Tunggul kayu tersebut adalah bekas tiang-tiang bendera yang terdapat di kawasan Agob Batu Balos*



*Kerja-kerja menaikkan lungun ke atas gua menggunakan rotan*



*Cara-cara menuruni tangga tukad abai yang terdapat di Agob Batu Balos*


Apabila telah sampai ke atas gua, lungun dibawa ke dalam dan disusun mengikut keturunan keluarga masing-masing. Kemudian seorang yang mahir mengenai adat istiadat kematian mengambil rotan-rotan yang telah disediakan terdahulu mengikut ukuran ketinggian anak-anak si mati. Rotan-rotan tersebut kemudiannya akan dihambat ke lungun si mati satu persatu dengan menyebut nama anak-anak bermula dari anak yang tua hingga ke anak bongsu dengan ayat-ayat babar seperti berikut bang manoggow sianu (menyebut nama si mati) sak si... (menyebut nama anak), mangawat koh ganut.



*Upacara menghambat rotan yang diukur mengikut ketinggian anak-anak yang ditinggalkan oleh si mati. Upacara tersebut dilakukan oleh Encik Asam Bin Pasani*



*YDP Persatuan Suku Kaum Dusun Subpan, Lahad Datu KK. Baginda Sunoi bin Rumokai sedang menunjukkan lungun milik orang tua beliau yang terdapat di Gua Batu Balos*



*Lungun yang disusun mengikut kumpulan keluarga*

Selepas itu, makanan yang dibungkus dengan daun pisang yang kering akan dibuka dan dihambur ke seluruh gua dengan menyebut "na...kauh baratai laid om baratai wagu, mukikimbir, mukakadut kauh yo sa akanon situ" (nah...kamu roh si mati yang lama dan roh si mati yang baru sama-samalah kamu menyentuh dan mengambil makanan ini).

Dipercayai upacara tersebut dibuat untuk membahagi-bahagikan makanan kepada roh-roh orang yang telah meninggal. Manakala makanan yang dibungkus dengan daun pisang muda akan dibuka dan dibiarkan sahaja berhampiran dengan keranda tersebut.

Semasa berada di dalam gua semua orang yang berada di situ tidak boleh menunjuk ataupun menegur apa-apa yang dilihat, terutama sekali lungun kecil milik Aki Manai Silong yang berada di sebelah kanan atas gua tersebut. Setelah upacara pengebumian selesai, semua orang hendaklah segera pulang kerana tidak boleh lama berada di tempat tersebut.

(menyebut nama anak), mangawat koh ganut.



*Saudara mara dan orang kampung yang turut serta membantu keluarga si mati semasa pengebumian di Gua Batu Balos*



*Pintu utama memasuki kawasan pengebumian di Agop Batu Balos. Dalam gambar di atas kelihatan anak-anak tangga yang akan dilalui untuk menaikkan lungun ke dalam Agop Batu Balos yang terletak di bahagian atas. Pagar akan dikunci selepas pengebumian selesai dijalankan*



*Lungun-lungun etnik Dusun Subpan di kawasan perkuburan Agob Batu Balos*

Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan semua orang yang menyertai upacara pengebumian di agob hendaklah memetik daun-daun kayu sebelum pulang menaiki perahu. Daun-daun tersebut hendaklah disisipkan ke cuping telinga masing-masing. Dipercayai roh-roh orang yang telah meninggal dunia dan dikebumikan di gua tersebut tidak mengganggu, kerana mengenali bahawa mereka adalah keturunannya.

Pada masa dahulu acara pengebumian terpaksa ditangguhkan sehingga selesai musim menuai padi untuk mendapatkan beras. Oleh kerana mengambil masa yang lama, lungun diletakkan berhampiran dengan sungai. Penduduk kampung akan membuat penyangga kayu untuk meletakkan lungun (pakalang).

Tempat meletakkan lungun juga dibuat atap untuk mengelakkan lungun dibasahi hujan. Di bawah tempat lungun diletakkan, tanah akan dikorek untuk membuat lubang agar rina'at (cecair) si mati yang mereput masuk ke dalam lubang tersebut. Penduduk kampung terutamanya kaum lelaki bergilir-gilir untuk menjaga lungun pada waktu siang dan malam.



*Kawasan persekitaran dari luar di Agob Batu Balos. Tangga tersebut digunakan sebagai jalan untuk masuk ke dalam gua*

# SELEPAS PENGEBUMIAN

Setiap orang yang menyertai upacara pengebumian harus melangkah unggun api yang dinyalakan berhadapan dengan rumah si mati untuk mengasapkan tubuh mereka. Dipercayai makhluk-makhluk halus yang mengikut mereka dari tempat perkuburan akan lari kerana terkena asap sebelum naik ke atas rumah.

Pada hari ketiga, dipanggil sebagai karatob oleh etnik Dusun Subpan. Pada hari tersebut, orang kampung saling bergotong-royong untuk memasak sindul, nasi dan lauk untuk dihidangkan kepada orang ramai. Menjelang waktu subuh, bekas tempat meletakkan lungun akan dibentangkan dengan tikar beralaskan kain putih. Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan, pada waktu subuh di hari tersebut si mati akan datang kembali untuk melihat ahli keluarganya.

Tanda-tanda kedatangan roh si mati dapat dikesan melalui kejadian seperti api pelita ditiup angin dan kain putih yang diletakkan di atas tikar mempunyai bekas debu tanah atau pasir di atasnya. Terdapat juga tetamu yang hadir dalam upacara tersebut dapat melihat roh si mati. Dalam upacara tersebut seorang bomoh akan menyambut dan berkomunikasi secara batin dengan roh si mati.

Pada keesokan paginya, beberapa orang dalam kalangan ahli keluarga si mati bersama dengan seorang bomoh akan pergi ke kubur untuk membuat upacara mamaratai. Tujuannya ialah untuk menghantar barang-barang si mati, makanan dan seekor ayam jantan yang dilepaskan di kawasan perkuburan. Rombongan tersebut tidak boleh berada lama di kawasan perkuburan.

Setelah melakukan upacara yang sepatutnya mereka harus segera pulang dan apabila sampai di tunon (pengkalan), perahu yang digunakan untuk ke kawasan perkuburan tersebut hendaklah ditenggelamkan (toggobon) di dalam sungai. Dipercayai terdapat roh-roh orang yang telah meninggal dunia mengikut rombongan tersebut pulang. Oleh sebab itulah perkara tersebut dilakukan, untuk mengelakkan roh-roh orang yang telah meninggal dunia mengikut rombongan tersebut sampai ke rumah.



*Alud (perahu) merupakan salah satu pengangkutan yang penting untuk mengangkat lungun khususnya di kawasan Batu Balos yang terletak di pinggir Sungai Segama.*

Pada keesokan harinya dipanggil karatob manilaa. Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan, pada malam tersebut penjaga roh si mati akan datang untuk menjilat bekas tempat meletakkan lungun. Menurut bomoh atau orang-orang tua yang dapat melihat roh orang mati, penjaga roh si mati dikatakan mempunyai lidah yang panjang untuk menjilat dan membersihkan tempat tersebut. Penjaga roh si mati dikenali sebagai Langgau Dilla.

Pada pagi seterusnya pula kamou (rangka kayu) yang digantung di dalam rumah si mati akan dibuka. Semua kain yang disidai di atas kamou tersebut dikumpul dan diletakkan di bawah tangga rumah. Kemudian seseorang mengangkat seekor anjing untuk dilontarkan dari atas rumah ke bawah supaya kain-kain tersebut dilangkahi oleh anjing. Sesudah itu ahli keluarga si mati akan membahagikan kain-kain tersebut. Pada masa yang sama juga semua tambir dan kamalid (tempat memasak yang dibuat) akan dibuka. Semua sisa kayu api yang digunakan semasa upacara kematian hendaklah dibakar. Sekiranya terdapat lebih makanan yang tidak habis digunakan semasa berlaku kematian, makanan tersebut perlu dibahagi-bahagikan kepada ahli keluarga atau jiran.

# PANTANG LARANG SEMASA KEMATIAN


Semasa berlaku kematian, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi oleh keluarga si mati dan orang kampung. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut.

- Binatang seperti kucing tidak boleh dibiarkan berkeliaran kerana dikhuatiri binatang tersebut akan melangkahi jenazah. Dipercayai jenazah yang dilangkahi kucing akan bangkit menjadi hantu.
- Buah limau tidak boleh dibawa masuk ke dalam rumah si mati kerana dipercayai akan menyebabkan roh si mati menjadi buta.
- Semasa jenazah masih berada di dalam rumah, nasi dan air perlu disediakan kepada si mati terlebih dahulu. Makanan untuk si mati hendaklah diletakkan berhampiran dengan lungun. Sesudah itu barulah makanan dihidangkan kepada tetamu yang hadir. Dipercayai bahawa sekiranya hidangan makanan tidak disediakan, roh si mati akan ikut serta makan bersama-sama dengan orang ramai.
- Semasa berlaku kematian adalah dilarang untuk menyimpan atau membawa tanduk dan daging payau serta ikan bersisik di dalam rumah. Menurut kepercayaan etnik Dusun Subpan benda-benda tersebut dipercayai menyebabkan ribut petir melanda yang boleh menyebabkan kejadian tingkorobon.<sup>3</sup>
- Jenazah yang masih berada di rumah tidak boleh ditinggalkan sesuka hati. Pada masa tersebut ahli keluarga terdekat si mati mesti menemani jenazah atau lungun sehingga hari pengebumian kerana dipercayai roh si mati mencari ahli keluarganya. Sekiranya pantang larang tersebut dilanggar adalah dipercayai akan menyebabkan roh si mati menjadi marah dan membuat perkara buruk seperti ribut dan roh si mati akan menjelma.
- Balu kepada si mati tidak boleh duduk atau makan bersama-sama dengan orang ramai kerana sudah menjadi pantang dan harus memakai kain putih untuk menutup kepalanya. Balu si mati juga tidak boleh memakai pakaian yang berbunga-bunga selama dalam pantang iaitu lebih kurang satu bulan.
- Balu si mati tidak boleh memakan makanan yang gatal seperti terung dan pedas kerana menurut kepercayaan makanan seperti itu akan mempengaruhi kelakuan balu si mati (gugowon baratai).

---

[3] Rumah akan ditelan bumi.



- 
- Selepas pengebumian dan selepas hari karatob manilaa rumah tempat berlakunya maransusah (kematian) tidak boleh dibiarkan kosong sehingga genap satu bulan kerana menurut kepercayaan roh si mati selalu datang menziarahi rumah tersebut.
  - Wanita mengandung dilarang untuk menyentuh jenazah ataupun lungun kerana mempengaruhi bayi dalam kandungan. Dipercayai bayi dalam kandungan tidak bergerak ibarat mayat dan menyebabkan wanita tersebut sukar melahirkan anak. Sekiranya terdapat wanita mengandung terlanggar pantang larang tersebut, mereka harus menyimpan serpihan kayu dan sedikit rotan yang digunakan untuk membuat atau mengikat lungun.
  - Gong yang digunakan untuk memandikan jenazah tidak boleh dipukul untuk mubasal (muzik tradisi) sebelum adik-beradik atau pihak keluarga si mati membuang pantang (Mu'wam).
  - Semasa berlaku maransusak (kematian) jiran-jiran tidak boleh menyanyi, bermain muzik atau memasang radio sehingga boleh didengari di tempat susak (tempat kematian). Jika adat tersebut dilanggar si pelaku akan dikenakan sagit.
  - Semua tambir dan kamalid yang dibuat semasa kematian hendaklah dibuka. Lebihan kayu api yang digunakan untuk memasak hendaklah dibakar hingga habis secepat mungkin. Selain itu, belanja yang tidak habis digunakan semasa maransusak haruslah dihabiskan dengan segera kerana jika benda-benda tersebut disimpan agak lama dipercayai ia akan mengundang kematian lagi di rumah tersebut.
  - Jika ada majlis perkahwinan yang tarikhnya bersamaan atau selepas berlaku maransusak (kematian) maka keluarga pengantin haruslah membayar adat yang dipanggil Tungkasulid. Selepas membayar adat tersebut barulah rumah pengantin boleh bermain muzik seperti basal (muzik tradisi). Tetapi jika majlis perkahwinan tersebut sudah dirancang awal dan rumah pengantin telah bermain basal, maka tuan rumah tidak perlu untuk membayar adat Tungkasulid tetapi bergantung kepada budi bicara keluarga pengantin samaada mahu memberi tungkasulid atau tidak.

# ADAT RESAM MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI

Pada masa dahulu, etnik Dusun Subpan menggunakan khidmat bidan-bidan kampung untuk menyambut kelahiran bayi. Apabila tiba masanya untuk wanita bersalin, bidan segera dipanggil ke rumah wanita berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga wanita yang hendak melahirkan anak akan pergi ke rumah bidan untuk bersalin.

Semasa bersalin bidan akan dibantu oleh suami atau orang lain untuk mengurut perut (pasurung) wanita dari atas ke bawah agar bayi cepat keluar. Sekiranya suami tiada di samping isteri semasa melahirkan anak, suami kepada wanita berkenaan dikehendaki untuk memanjat tiang apabila kembali ke rumah. Amalan tersebut dibuat sebagai syarat pantang larang yang diwarisi daripada nenek moyang untuk sagit kepada anak dan isteri yang ditinggalkan semasa melahirkan dan untuk mengelakkan penyakit dan gangguan roh-roh jahat. Selain itu, amalan tersebut juga adalah sebagai dandi (janji) seorang suami kepada isterinya kerana selamat melahirkan anak pertama yang dikenali sebagai mananai tanpa kehadirannya di sisi isteri. Dandi tersebut hanya dilakukan oleh seorang suami untuk kelahiran anak pertama sahaja.

Apabila bayi telah keluar, bidan akan mengorek mulut bayi secara perlahan-lahan untuk membuang benda-benda yang ada dalam mulut bayi semasa dalam kandungan ibunya. Selepas itu, bidan akan memintal benang secara memanjang untuk digunakan sebagai pengikat tali pusat bayi. Sebelum dipotong, tali pusat bayi akan diurut secara menaik ke arah pusat bayi kemudian diikat dengan benang yang dipintal dan dipotong. Tali pusat tersebut kemudiannya akan disapukan di hidung dan mulut bayi. Amalan tersebut dibuat sebagai tanda perpisahan di antara bayi dan tali pusatnya yang dianggap sebagai pirus pusod (kembar pusatnya). Bidan bertanggungjawab untuk memberikan nama kepada tali pusat tersebut. Selepas itu, inomol (tembuni) akan dicuci kemudian dimasukkan ke dalam bekas bambu yang akan digantung di bawah dapur.

Walaupun bagaimanapun, cara mengurus tembuni seperti cara tersebut semakin jarang diamalkan. Mereka lebih gemar menggunakan cara lain iaitu dengan mencuci tembuni kemudian diletakkan abu dapur kayu, daun kamburongoh (jerangau) dan daun kabulai. Tembuni tersebut akan dibungkus dengan kain lalu dimasukkan ke dalam tin kemudian ditanam di dalam tanah.

Tali pusat akan tanggal bergantung kepada saiz tali pusat bayi. Sekiranya bayi mempunyai saiz pusod podok (pusat kecil), pusat bayi akan tanggal dalam tempoh 3 atau 4 hari. Bayi yang mempunyai pusod ayok (pusat besar) akan tanggal dalam tempoh seminggu atau lebih. Tali pusat yang sudah tanggal dibungkus dengan kain hitam dan digantung di i'indong (buaian) bayi. Tali pusat tersebut tidak boleh dibuang kerana boleh digunakan sebagai ubat untuk merawat bayi semasa sakit atau demam dengan merendam tali pusat di dalam air untuk memandikan bayi.

Bayi yang masih kecil tidak boleh ditinggalkan tidur sendirian di dalam buaian. Sekiranya tidak ada yang menemani bayi, benda-benda tajam seperti gunting atau pisau perlu diletakkan di bawah buaian bayi. Tujuannya adalah untuk mengelakkan makhluk halus menghampiri dan mengganggu anak tersebut.

# PANTANG LARANG SEMASA WANITA MENGANDUNG

Etnik Dusun Subpan mempunyai beberapa pantang larang untuk wanita mengandung. Pantang larang tersebut mereka amalkan turun-temurun yang diwarisi daripada generasi sebelumnya.

- Suami tidak boleh memotong rambut semasa isteri sedang mengandung kerana dipercayai akan menyebabkan anak yang bakal lahir tidak mempunyai rambut.
- Sekiranya suami atau isteri berjalan keluar dari rumah mereka tidak boleh berhenti atau masuk balik sebelum sampai di luar rumah. Dipercayai apabila isteri bersalin, bayi di dalam kandungan tidak mahu keluar kerana akan masuk semula ke dalam perut ibunya.
- Suami atau isteri tidak dibenarkan duduk di pintu atau tangga. Begitu juga dengan anggota keluarga dan tetamu yang datang ke rumah wanita yang mengandung. Mereka hendaklah masuk terus ke dalam rumah. Jika pantang larang tersebut tidak dipatuhi akan menyebabkan seseorang wanita mengandung sukar melahirkan anak kerana seperti ada yang menghalang bayi keluar.
- Wanita mengandung dilarang berjalan atau memijak tanah pada waktu petang dan malam kerana menurut kepercayaan mereka mempunyai bau wangi yang akan menarik perhatian makhluk halus seperti pontianak.
- Suami atau isteri tidak digalakkan memakan ikan yang mempunyai sirip atau duri yang berbisa. Walau bagaimanapun, pasangan suami isteri boleh memakan jenis ikan berkenaan dengan memanggang ikan tersebut terlebih dahulu. Dipercayai jenis ikan tersebut mempunyai bisa yang akan menyebabkan bayi yang lahir selalu sakit.
- Pasangan suami isteri tidak dibenarkan memakan labi-labi atau kura-kura sepanjang seseorang wanita mengandung kerana akan menyukarkan pada waktu melahirkan anak. Dipercayai bayi akan mengikuti sifat kepala labi-labi dan kura-kura yang pandai keluar dan masuk.
- Terdapat beberapa pantang lain yang perlu dipatuhi oleh pasangan suami isteri yang sedang mengandung. Sekiranya pantang larang tersebut dilanggar dipercayai akan mempengaruhi bentuk fizikal bayi yang dilahirkan. Antara pantang larang tersebut adalah suami atau isteri tidak boleh membelah kayu yang sudah terbakar hujungnya kerana akan menyebabkan bibir bayi terbelah dan menjadi sumbing. Selain itu, pasangan suami isteri tidak boleh membengkokkan paku kerana akan menyebabkan kaki anak menjadi bengkok.

# PENUTUP

Adat dan kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang masih diamalkan sehingga kini. Walau bagaimanapun, pengaruh agama Kristian dan Islam yang dianuti oleh etnik Dusun Subpan menyebabkan sebahagian daripada adat dan kepercayaan mereka mengalami perubahan.

